

Polis siap sedia hadapi sebarang kemungkinan

12 NOV 1999

Oleh SOPHA SULAIMAN

MELAKA 11 Nov. — Polis telah diletakkan dalam keadaan berwaspada untuk menghadapi sebarang kemungkinan jika berlaku rusuhan dan demonstrasi oleh pihak tertentu yang cuba menggagalkan pilihan raya umum kali ke-10 ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai bagaimanapun berkata, setakat ini pihak polis belum mendapat maklumat mengenai kemungkinan akan berlaku kejadian-kejadian yang tidak diingini dan menasihatkan rakyat agar bertenang menghadapi pilihan raya ini.

"Polis akan mengambil tindakan sewajarnya jika keadaan tidak tenteram berlaku demi mengekalkan kemakmuran rakyat dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian



kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) dan Muzium Polis Diraja Malaysia di sini, hari ini.

Kenyataan Norian itu sebagai mengulas kekhawatiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa kemungkinan ada parti lawan akan menggunakan taktik

berdemonstrasi dan merusuh untuk menggagalkan pilihan raya umum ini.

Ketika mengumumkan pembubaran Parlimen di Putrajaya, semalam, Dr. Mahathir berkata, pihak lawan mungkin menggunakan taktik berdemonstrasi dan menimbulkan huru-hara di sana-sini untuk menunjukkan kepada dunia dan memancing kemarahan rakyat bahawa proses pelaksanaan pilihan raya ke-10 ini tidak adil.

Selain itu, kata beliau, taktik itu kemungkinan besar akan digunakan sekiranya ada parti lawan yang telah merasakan dan mengetahui ia akan kalah.

Mengulas lanjut kebimbangan Dr. Mahathir itu, Ketua Polis Negara itu memberitahu, pihaknya juga akan menggunakan tenaga anggota maksimum untuk memastikan keamanan negara terkawal semasa kempen pilihan raya ini.

Beliau bagaimanapun, yakin parti-parti politik yang mengambil bahagian pada pilihan raya umum kali ini akan menghormati undang-undang dan membantu mengekalkan keamanan dan ketenteraman rakyat jika mereka cintakan negara.

"Saya tidak mempunyai tanggapan bahawa akan berlaku perkara buruk pada pilihan raya ini," ujarnya.

Mengenai permit dianjurkan ceramah politik, beliau menjelaskan, semua permohonan akan diproses seperti biasa dan diluluskan seberapa segera untuk memberi peluang secukupnya kepada semua parti politik mengadakan kempen.

Bagaimanapun, katanya, pada masa yang sama semua parti politik perlu mematuhi undang-undang yang ditetapkan di negara ini.

Beliau berkata, ketua-ketua polis peringkat negeri juga akan dipanggil untuk berbincang mengenai peraturan berkempen yang perlu dipatuhi termasuk tempoh masa kempen yang dibenarkan.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis itu, Norian yakin kerjasama yang dijalankan bersama Perzim akan dapat membantu mempromosikan lagi Muzium Polis Diraja yang mulai beroperasi pada tahun lalu.

Katanya, Muzium Polis akan mempelajari pengalaman Perzim dan berharap melalui muzium itu akan turut memainkan peranan untuk merapatkan hubungan polis dengan masyarakat.

Pada masa ini, kata Norian, Muzium Polis menerima kunjungan pelawat seramai 45,000 orang atau antara 4,000 hingga 5,000 orang setiap bulan.

13